

PEMBINAAN MODUL PENDIDIKAN AL-QURAN UNTUK PELAJAR PINTAR BERBAKAT: PENDEKATAN DI KOLEJ PERMATA INSAN

THE DEVELOPMENT OF AL-QURAN EDUCATION MODULE FOR GIFTED AND TALENTED STUDENTS: PERMATA INSAN COLLEGE APPROACH

Ahmad Bazli Ahmad Hilmiⁱ, Zulkarnin Zakariaⁱⁱ, Mahiz Spawiⁱⁱⁱ, Abdul Naafiq Taqiuddin Roslan^{iv} & Muhammad Khairi Khalid^v

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, USIM. ahmadbazli@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, USIM. zulkarnin@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Kolej PERMATA Insan, USIM. mahiz@usim.edu.my

^{iv} Guru Tasmik, Kolej PERMATA Insan, USIM. abdulnaafiq@usim.edu.my

^v Guru Tasmik, Kolej PERMATA Insan, USIM. khairikhalid@usim.edu.my

| | |
|------------------------|--|
| <p>Abstrak</p> | <p><i>Lanskap pendidikan negara semakin melangkah ke hadapan dengan lahirnya pelbagai institusi tahfiz yang menggabungkan kurikulum akademik dan tahfiz Al-Quran. Kepelbagaian pendekatan dan pembinaan modul hafazan yang dibuat di setiap institusi memberikan satu peluang unik untuk dinilai, diperhalusi dan seterusnya diangkat sebagai amalan terbaik dalam pelaksanaan pengajian Al-Quran. Artikel ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Berdasarkan penilaian yang dijalankan terhadap modul-modul yang sedia ada, kajian ini mengetengahkan modul pendidikan al-Quran yang holistik dan tidak terhad kepada hafazan al-Quran sahaja. Modul Pendidikan Al-Quran PERMATA Insan ini merangkumi hak-hak al-Quran terhadap manusia iaitu al-qira'at, al-hifz, al-fahm, al-^camal dan al-tabligh. Konsep asas yang menjadi landasan pembinaan modul adalah menggunakan pendekatan VARK (Visual, Aural, Read/write, and Kinesthetic). Modul ini juga mengambil kira pendekatan digunapakai dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar pintar berbakat yang dikenali dengan Differentiated Model of Giftedness and Talent (DMGT). Selain itu penggunaan teknologi semasa dalam pendidikan Al-Quran turut diaplikasikan dalam pembangunan modul tersebut. Komponen modul ini jika diukur berdasarkan Taksonomi Bloom meliputi tahap pengetahuan, kefahaman, aplikasi dan analisis. Modul ini diharapkan dapat menjadi panduan dan contoh kepada mana-mana institusi pendidikan yang ingin melaksanakan program pengajian al-Quran.</i></p> <p>Kata kunci: Pendidikan, al-Quran, pintar, DMGT, VARK.</p> |
| <p>Abstract</p> | <p><i>The national education landscape has moved forward with the birth of various tahfiz institutions that combined the academic and Quran education in their curriculum. The schools have used different approaches and techniques in the development of the Quran education modules. This has presented a unique chance to assess and scrutinise the available modules and develop best practices in the teaching and learning of Quran. This article uses libraries research methods to obtain information. This study analysed the available modules and suggested a holistic Quran education programme that was not limited only to Quran memorisation aspect. This PERMATA Insan Quran education module covers all the rights of Quran towards Muslim individual such as the concept of al-qira'at, al-hifz, al-fahm, al-^camal and al-tabligh. The basic concept that help shaped the module is VARK (Visual, Aural, Read/write, and Kinesthetic). The approach in the teaching of gifted and</i></p> |

| | |
|--|--|
| | <p><i>talented students known as Differentiated Model of Giftedness and Talent (DMGT) was also taken into account. The educational technology approach too played a part in the teaching and learning of the Quran module. The components developed were measured against the Bloom's Taxonomy and it covered the knowledge, understanding, application and analysis level. This module could become a useful guide for any interested institutions that would adopt it in their Quran education programme.</i></p> <p>Keywords: <i>Education, Quran, gifted, DMGT, VARK.</i></p> |
|--|--|

PENDAHULUAN

Dewasa ini terdapat pelbagai institusi pendidikan yang menjadikan program tahfiz al-Quran sebahagian daripada kurikulum. Faktor utama dilihat menyumbang kepada perkara tersebut adalah kejayaan institusi-institusi sedia ada dalam bidang akademik sama ada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, pelaksanaan program tersebut juga dilihat mampu membentuk keperibadian pelajar yang unggul seterusnya mengurangkan masalah disiplin dan gejala sosial. Namun terdapat beberapa kelemahan dalam amalan pembelajaran tahfiz yang perlu diperhalusi (Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri, 2012).

Apa yang dirisaukan adalah program tahfiz al-Quran tersebut hanya menjadi tambah nilai kepada kurikulum sedia ada. Al-Quran seharusnya menjadi tunjang kepada semua kurikulum pendidikan sejajar dengan kedudukannya sebagai sumber rujukan utama dalam Islam. Kelemahan dalam komponen modul tahfiz al-Quran dilihat antara faktor menyumbang kepada salah tanggapan bahawa program tahfiz hanya terhad kepada bacaan dan hafazan al-Quran. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan merangka satu bentuk modul pendidikan al-Quran yang bersifat holistik dan sesuai dengan perkembangan teknologi dan maklumat dewasa ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan. Penulis menganalisis teks dan data berkenaan pendidikan Al-Quran dan menyusun modul yang bersesuaian dengan keperluan pelajar pintar berbakat.

Kaedah perbandingan modul-modul hafazan di institusi pendidikan terpilih juga telah dilakukan untuk memberi tambah nilai kepada modul yang telah disusun dan disesuaikan dengan kurikulum pelajar pintar berbakat.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menghasilkan sebuah rangka modul yang dinamakan Modul Pendidikan al-Quran PERMATA Insan. Terdapat empat landasan utama dalam pembinaan modul pendidikan al-Quran ini iaitu:

Memenuhi Hak-Hak Al-Quran Terhadap Manusia

Al-Quran yang diturunkan Allah SWT mempunyai hak yang tersendiri untuk seluruh manusia amnya dan Muslim khususnya. Ulama menggariskan hak-hak al-Quran terhadap manusia ialah; beriman bahawa al-Quran merupakan Kalam Allah, mengagungkan al-Quran dengan sebenar-benarnya, membaca al-Quran dengan sebenar-benar pembacaan (antara hak pembacaan termasuklah menghafal dalam ingatan dan lubuk hati), mengkaji dan memahami kandungan al-Quran, memberikan segala perhatian kepada ketinggian bahasa, memahami ilmu-ilmu al-Quran dan berpegang pada hukum hakam seterusnya menjadikan al-Quran sebagai landasan hidup. Sementara hak al-Quran yang khusus terhadap Muslim ialah menyampaikan seruan beriman dengan al-Quran sebagai pematuhan kepada arahan dan menunaikan kewajipan ('Atar, 1993).

Merangkumi Semua Aspek Dalam Gaya Pembelajaran VARK (*Visual, Aural, Read/Write, And Kinesthetic*)

Gaya pembelajaran merupakan satu faktor penting dalam memahami cara seseorang pelajar memahami perkara yang dipelajari di samping membantu pelajar tersebut memilih cara terbaik untuk memperbaiki kelemahan dalam pembelajaran. Umumnya setiap individu dianugerahi keupayaan dan kekuatan berbeza dalam memproses maklumat dan bahan pembelajaran. Bagi mencapai keupayaan optimum seseorang individu dalam pengajaran dan pembelajaran, guru dan pelajar perlu mengenal pasti gaya pembelajaran peribadi agar dia menggunakan kekuatan dan kemahiran tersebut dalam proses pembelajaran apa juga subjek yang dipilih.

Terdapat banyak teori gaya pembelajaran yang dikembangkan dalam bidang pendidikan namun kajian ini menumpu kepada gaya pembelajaran yang dikenali sebagai Visual, Audio, *Read/Write*, dan Kinestetik (VARK) yang menumpukan kepada kekuatan deria penglihatan, pendengaran, kemahiran menulis dan membaca, dan juga kemampuan fizikal dari segi pergerakan individu (Fleming & Baume, 2006). Kecenderungan gaya belajar mampu mempengaruhi pelajar dalam perlakuan pembelajaran mereka di dalam dan luar bilik darjah. Hakikatnya pemilihan gaya pembelajaran akan menentukan pencapaian pelajar di dalam sesuatu mata pelajaran yang mereka ikuti.

Maklumat tentang gaya dan cara belajar juga membolehkan guru dan pelajar menentukan teknik pembelajaran yang sesuai untuk mereka. Dengan maklumat gaya pembelajaran individu, pelajar akan menggunakan kekuatan salah satu gaya (sama ada V, A, R atau K) yang ada pada mereka dan membina maklumat pembelajaran dalam bahan yang mudah dihadap dengan teknik pembelajaran individu. Mereka juga boleh menggunakan paduan dua atau tiga gaya pembelajaran tersebut.

Bagi guru pula, pengetahuan tentang gaya dan teknik pengajaran dan pembelajaran sebegini dapat membantu menyediakan bahan mengajar yang pelbagai dan mengambil kira juga kepelbagaian pelajar yang ada di dalam kelas. Secara tidak langsung, pengajaran dan pembelajaran akan jadi lebih menarik dan memungkinkan suasana pembelajaran yang positif dan berkesan untuk kebanyakan pelajar dengan kepelbagaian gaya pembelajaran.

Mengambil kira pendekatan *Differentiated Model fo Gifted and Talented (DMGT)*

Model pendidikan pelajar pintar dan berbakat yang disarankan oleh François Gagné menjurus kepada dua jenis kebolehan individu, keupayaan semula jadi dan kemahiran yang dibentuk secara sistematik, dikenali sebagai kepintaran (atau aptitud) dan bakat. Kedua-dua kemampuan diterangkan dan dijelaskan dalam model DMGT beliau. Model ini juga meletakkan pembangunan yang bersaling-kait antara kedua-dua kemampuan tersebut, aptitud sebagai ciri utama dalam bakat, kepentingan pembelajaran dan latihan kemampuan semula jadi kepada kemahiran pelbagai bentuk bakat yang boleh dibentuk.

Ia turut dibantu faktor pemangkin lain yang berkaitan (motivasi, personaliti, persekitaran, individu berpengaruh, peristiwa, dan lain-lain) terhadap proses pembangunan tersebut. Model dapat digunakan untuk mengenal pasti individu dengan kemampuan kecapaian yang tersendiri dalam sesuatu populasi pelajar dengan latar-belakang yang dipengaruhi faktor yang disebut, dengan penekanan kepada IGAT (*intellectually gifted and academically talented*) pelajar pintar cergas dan berbakat secara akademik, dan terkesan dengan konsep pendidikan yang lain seperti, kebijaksanaan, kemampuan, genius dan prodigi (Gagné, 2000).

Penggunaan Teknologi Semasa

Teknologi dalam pendidikan adalah suatu pendekatan holistik yang mengambil kira cara dan gaya pembelajaran pelajar yang pelbagai (Fu, 2013). Secara umumnya, para pendidik akan cuba membuat pemilihan dan padanan teknologi dan perisian yang ada di dalam pasaran dan cuba menggunakan peralatan dan perisian tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kadar kejayaan penggunaan teknologi sememangnya banyak bergantung kepada kemampuan pendidik mencari cara kreatif dan berkesan peralatan dan perisian yang dipilih. Dengan bantuan teknologi, guru dan pelajar dapat menggunakan

kemudahan mendapatkan maklumat dan menghasilkan tugas dengan bantuan perisian dan peralatan ICT (Information Communication Technology). Antara contoh peralatan yang dapat dilihat digunakan dalam pendidikan adalah peranti telefon pintar dan tablet. Memandangkan ramai pendidik tidak dilatih secara khusus dalam penggunaan teknologi khas untuk pendidikan, ramai yang menggunakannya dengan pendekatan cuba dan betulkan (*trial-and-error*) dan hasil kejayaannya pelbagai.

Pendekatan pembelajaran padu cara (*blended learning*) menjadi antara teknik pengajaran dan pembelajaran terkini kerana gabungan gaya pengajaran yang digunakan bagi memaksimumkan keberkesanan sesi pembelajaran dalam dan luar kelas (Laborda, 2014). Gabungan teknik tradisional dan kelas maya contohnya digunakan dalam banyak sesi pembelajaran di pelbagai peringkat pengajian, daripada peringkat sekolah sehinggalah ke universiti. Dalam pembelajaran padu cara ini, pelajar bukan sahaja dibekalkan dengan buku rujukan dan latihan untuk sesuatu matapelajaran malah mereka turut mengikuti kelas maya (*e-learning* atau *mobile learning*) yang dapat dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (*ubiquitous learning*) (Graham, 2006).

KOMPONEN MODUL PENDIDIKAN HAFAZAN AL-QURAN

Modul pendidikan Al-Quran PERMATA Insan mempunyai lima komponen utama iaitu *al-qira'at*, *al-hifz*, *al-fahm*, *al-'amal* dan *al-tabligh*. Lima komponen tersebut merupakan sebahagian besar daripada hak-hak al-Quran terhadap manusia seperti yang dibincangkan sebelum ini. Penjelasan lanjut bagi setiap komponen diperincikan sebagaimana dalam Rajah 1.

Rajah 1: Komponen Utama Modul Pendidikan al-Quran PERMATA Insan



Al-Qira'at (Pembacaan)

Kemahiran paling asas dalam pendidikan al-Quran ialah pembacaan. Wahyu pertama yang diturunkan memerintahkan Nabi Muhammad SAW. membaca sebagaimana firman Allah SWT:

﴿أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ﴾

Maksudnya, “*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)*” (al-Quran. Al-‘Alaq: 96/1).

Al-Quran merupakan Kalam Allah yang perlu dibaca dengan betul seperti mana diturunkan. Ilmu yang menyentuh perihal bacaan al-Quran dikenali sebagai ilmu tajwid. Hukum mempelajari tajwid adalah fardu kifayah namun hukum membaca al-Quran dengan bertajwid adalah fardu ain. Firman Allah SWT:

﴿وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً﴾

Maksudnya, “*Bacalah Al-Quran dengan tartil*” (al-Quran. Al-Muzzammil: 73/4).

Pengertian tartil ialah bacaan lambat dan tenang serta melafazkan setiap huruf daripada makhrajnya yang betul dan memenuhi hak sifat asli dan sifat mendatang pada huruf yang berkenaan dan memelihara segala hukum tajwid serta merenung maknanya (Qamhawiyy, 1972).

Bacaan bertajwid dan sebutan huruf dengan betul amat penting sebelum proses hafazan bermula. Hal ini kerana bacaan tidak bertajwid dan sebutan huruf yang salah akan menyebabkan pelajar melazimi perkara tersebut setelah tamat proses hafazan.

Antara pendekatan yang diambil oleh Kolej PERMATA Insan sebagai inisiatif adalah tajwid diajar secara rasmi sebagai kursus audit pada semester awal pengajian. Kursus tajwid ini akan mendedahkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang patut dikuasai dalam bacaan al-Quran. Selain itu, guru berperanan penting dalam memberi sepenuh perhatian dan bersikap tegas bagi memastikan pelajar membaca dengan bacaan bertajwid sama ada ketika sesi talaqqi, tasmik dan muraja^h.

Al-Hifz (PENGHAFALAN)

Komponen kedua setelah selesai proses pembacaan ialah penghafalan. Keutamaan menghafal Al-Quran adalah begitu jelas dalam Al-Quran dan Hadis, malah individu pertama yang menghafal Al-Quran ialah Nabi Muhammad SAW. itu sendiri. Kelompok yang melibatkan diri secara langsung dengan Al-Quran mendapat penghormatan yang tinggi di sisi Allah SWT. Hal ini boleh dilihat melalui sabda Nabi SAW:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya, “*Sebaik-baik kamu adalah mereka yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya*” (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab *Khayrukum Man Ta'allama al-Qur'an Wa 'Allamah*. No. 4739).

Idea pengumpulan al-Quran juga terdapat apabila gugurnya 70 orang penghafaz Al-Quran dalam peperangan al-Yamamah pada zaman pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq. °Umar bin al-Khattab berpendapat tulisan-tulisan Al-Quran perlu dikumpulkan kerana kuarir Al-Quran akan lenyap selepas peristiwa tersebut. Ini menunjukkan betapa penghafal Al-Quran mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat.

Dalam hadis yang sahih dinyatakan bahawa al-Quran akan memberi syafaat pada hari akhirat kepada mereka yang sentiasa mendampingi al-Quran. Sabda Nabi SAW.:

اقْرءُوا الْقُرْآنَ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya, “*Bacalah olehmu al-Quran, sesungguhnya ia akan datang memberi syafaat pada hari kiamat kepada pembacanya*” (Hadis. Muslim. Bab *Fadl Qira'at al-Qur'an Wa Surat al-Baqarah*. No. 1910).

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab setiap manusia untuk menghafal ayat-ayat Al-Quran di dalam dada masing-masing walaupun tidak keseluruhan.

Sukatan hafazan

Menyedari keperluan dan kepentingan hafazan Al-Quran, Kolej PERMATA Insan menjadikan hafazan al-Quran sebahagian daripada kurikulum institusi. Hafazan Al-Quran akan membantu perjalanan pengajaran dan pembelajaran di kolej yang menggunakan pendekatan integrasi ilmu naqli dan aqli.

Permasalahan yang sering menghantui pelajar terutama aliran agama adalah kesukaran mengeluarkan dalil naqli dalam sesuatu isu. Langkah diambil untuk mengatasi kekurangan tersebut adalah dengan mewajibkan pelajar menghafal 30 juzuk Al-Quran sementara umur masih muda. Ibarat kata pepatah Arab “Belajar di usia muda ibarat menulis pada batu, belajar di usia tua ibarat menulis di atas air.”

Sukatan hafazan Al-Quran di Kolej PERMATA Insan dibahagikan kepada tiga pakej iaitu Pakej Asas, Pakej Pecutan 1 dan Pakej Pecutan 2 (rujuk lampiran). Wujudnya tiga pakej tersebut adalah berdasarkan kepada teori *Differentiated Model for Gifted and Talented* (DMGT). Setiap pelajar terutama pelajar pintar dan berbakat mempunyai keupayaan menghafal yang berlainan. Kepelbagaian keupayaan tersebut diambil kira dalam merangka sukatan yang perlu dicapai oleh setiap pelajar.

Metodologi Hafazan

Secara umumnya Kolej PERMATA Insan menggunakan pendekatan kaedah hafazan Luh daripada Makkah dengan beberapa penambahan nilai diterapkan. Berdasarkan kaedah Luh ini, pelajar akan menghafal Al-Quran berdasarkan tema-tema tertentu bagi surah-surah panjang, manakala bagi surah-surah pendek pula pelajar akan menghafal berdasarkan surah tersebut.

Kaedah ini dilihat sama seperti keadaan sebahagian besar wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW juga adalah berdasarkan tema. Pendekatan ini dilihat membantu pelajar dalam memahami ayat dihafal dengan lebih mudah.

Kebebasan diberikan kepada pelajar untuk memilih teknik mengingat yang sesuai dengan diri mereka. Sekiranya pihak institusi meletakkan teknik mengingat tertentu, ini akan memberikan impak kepada pelajar yang kurang sesuai dengan teknik tersebut. Hafazan Al-Quran adalah tertakluk kepada faktor individu tersendiri dan kaedah cuba jaya perlu digunakan sehinggalah empunya menemui teknik yang sesuai.

Penulisan Ayat

Penulisan ayat yang dimaksudkan ialah ayat-ayat Al-Quran yang telah hafal akan ditulis pada kertas khas mengikut format mashaf. Sebaiknya penulisan ayat tersebut dilakukan sebelum sesi tasmik berlangsung. Konsep hafal dan tulis ini seiring dengan saranan Nabi Muhammad SAW dalam sabda baginda:

قَيِّدُوا الْعِلْمَ بِالْكِتَابِ

Maksudnya, "*Ikatlah ilmu dengan tulisan*" (Hadis. Al-Darimiyy. No. 506).

Konsep ini kemudiannya dibangunkan menjadi salah satu daripada gaya pembelajaran VARK seperi yang telah dinyatakan pada awal perbincangan. Pelaksanaan penulisan ayat ini berperanan penting dalam memastikan pelajar mempunyai kemahiran menulis kembali hafazan tanpa melihat mashaf.

Al-Fahm (Kefahaman)

Tujuan utama penurunan al-Quran adalah untuk memberi hidayah kepada manusia. Tanggungjawab manusia adalah untuk memahami isi kandungan Al-Quran walaupun bahasa pengantar digunakan ialah Bahasa Arab. Firman Allah SWT.:

﴿وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ﴾

Maksudnya, "*Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?*" (al-Quran. Al-Qamar: 54/17).

Dewasa ini terdapat banyak terjemahan dan tafsir Al-Quran dalam pelbagai bahasa. Apa yang tinggal cuma usaha untuk mendapatkan dan membaca bahan-bahan tersebut.

Aspek kefahaman dalam pendidikan Al-Quran adalah penting supaya pelajar mengetahui maksud ayat al-Quran yang telah dihafal. Untuk peringkat permulaan, pelajar boleh mengetahui tafsiran umum ayat melalui terjemahan al-Quran sedia ada. Pelajar akan menyampaikan tafsiran umum ayat yang dihafal selepas sesi tasmik dan asbabun nuzul jika ada. Pendekatan ini memastikan pelajar memahami ayat yang dihafal secara kontekstual dan mengelakkan pelajar salah faham dalam memahami maksud ayat secara

tekstual. Selain itu pelajar turut akan menghafal terjemahan bagi setiap kalimah baru dalam hafazan mereka yang belum diketahui maknanya.

Aspek kefahaman ayat secara lebih mendalam diterapkan dalam projek al-Quran di mana pelajar diberikan tugas penulisan artikel tentang topik tertentu. Tugas ini memerlukan pelajar merujuk kitab-kitab tafsir yang muktabar berkenaan topik yang diberikan.

Aturan Pelaksanaan Proses Al-Qira'at, Al-Hifz dan Al-Fahm

Aturan pelaksanaan untuk ketiga-tiga komponen boleh dirumuskan sebagaimana berikut:

- i. Pelajar akan membacakan dihadapan guru (*talaqqiyy*) ayat hafalan secara bertajwid mengikut tema yang telah diberikan.
- ii. Setelah guru memperakukan bacaan, pelajar akan menghafal ayat tersebut dan waktu hafalan adalah bergantung kepada kesesuaian pelajar. Dalam masa yang sama pelajar akan membaca makna umum ayat.
- iii. Selesai menghafal, pelajar kemudiannya dikehendaki menulis ayat hafazan tadi (*tahririyy*) di kertas khas.
- iv. Pelajar kemudiannya membaca hafalan (tasmik) di hadapan guru dan menyatakan makna umum ayat. Pelajar mesti mengulangi sebahagian halaman hafalan yang terdahulu (*ʿAdah*).
- v. Pelajar yang berjaya menghafal akan diberikan gred mengikut prestasi bacaan di dalam buku rekod. Pelajar yang gagal memperdengarkan hafalan akan ditentukan hukuman mengikut budi bicara guru tasmik.
- vi. Pelajar kemudiannya akan mula menghafal terjemahan kalimah-kalimah terpilih dalam ayat hafazan tadi dan menulis di bawah kalimah tersebut dalam kertas *tahririyy*. Pelajar kemudiannya kembali untuk guru membuat penilaian bagi memastikan pelajar mengetahui terjemahan tersebut.
- vii. Pelajar yang telah selesai akan fokus kepada muraja'ah secara individu dan di hadapan guru mengikut sukatan yang ditetapkan bagi memastikan hafalan tidak hilang.

Al-ʿAmal (Pengamalan)

Kesinambungan daripada kefahaman ayat ialah aspek pengamalan. Manusia bertanggungjawab melaksanakan apa yang terkandung dalam Al-Quran setelah memahami isi kandungannya. Allah SWT. memberikan peringatan yang cukup tegas bagi sesiapa yang berpaling daripada petunjukNya sebagaimana firmanNya:

﴿وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى﴾

Maksudnya, "Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpulkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta" (al-Quran. Taha: 20/124).

Nabi Muhammad SAW merupakan suri teladan yang paling baik dalam dalam segenap aspek kehidupan kerana baginda mendapat didikan secara langsung daripada Allah SWT. Akhlak baginda SAW adalah Al-Quran itu sendiri seperti dinyatakan dalam riwayat Sayyidatina ʿA'ishah RA:

فَإِنَّ خُلُقَ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ الْقُرْآنَ

Maksudnya, "Sesungguhnya akhlak Nabi SAW ialah al-Quran" (Hadis. Muslim. Bab Jamr̄ Salat al-Layl Wa Man Nama ʿAnhu Aw Marida. No. 1773).

Dalam konteks Kolej PERMATA Insan, pemerkasaan pelaksanaan program keagamaan dan kerohanian dalam kalangan pelajar dapat mendidik pelajar mengaplikasikan ayat yang telah dihafaz setelah memahami maksud ayat tersebut. Nilai-nilai murni juga diterapkan dalam kurikulum, kokurikulum dan kehidupan seharian pelajar sepanjang keberadaan di institusi. Persekitaran institusi yang dihiasi dengan kepelbagaian

ayat al-Quran yang berbentuk pengetahuan, perintah, larangan dan sebagainya dapat menjadi rujukan, panduan dan peringatan kepada para pelajar di samping mewujudkan suasana Qurani.

Al-Tabligh (Penyampaian)

Komponen terakhir dalam modul pendidikan Al-Quran PERMATA Insan ialah *al-tabligh* (penyampaian). Allah SWT. memerintah Nabi Muhammad SAW. untuk menyampaikan apa yang diturunkan kepada baginda. Firman Allah SWT.:

﴿يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ ۗ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ﴾

Maksudnya, “Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku daripada (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir” (al-Quran. Al-Ma'idah: 5/68).

Setelah kewafatan baginda, tanggungjawab tersebut berpindah kepada seluruh umat Islam tanpa pengecualian. Oleh yang demikian, komponen ini memberi penekanan kepada penyampaian kefahaman pelajar tentang ayat yang dihafal. Kefahaman tersebut disampaikan sama ada dalam bentuk lisan, penulisan artikel atau dokumentari. Pendekatan ini memberikan pendedahan dan melatih pelajar dengan teknik penyampaian yang berkesan selain membentuk jati diri dan keberanian dalam kalangan pelajar.

GAYA PEMBELAJARAN VARK DALAM MODUL

Keupayaan setiap individu dalam proses pembelajaran adalah berbeza. Memahami gaya pembelajaran seseorang pelajar amat membantu dalam menentukan pendekatan gaya pembelajaran yang sesuai bagi pelajar tersebut.

Modul pendidikan al-Quran PERMATA Insan yang dibina telah menggunakan pendekatan gabungan semua elemen dalam gaya pembelajaran VARK. Jadual 1 menunjukkan elemen-elemen VARK yang terdapat dalam setiap komponen modul:

Jadual 1

| Komponen Modul | Elemen VARK | | | |
|----------------|---------------|--------------|---------------------|--------------------|
| | <i>Visual</i> | <i>Aural</i> | <i>Read/Writing</i> | <i>Kinesthetic</i> |
| Al-Qira'at | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Al-Hifz | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Al-Fahm | ✓ | | ✓ | |
| Al-°Amal | | | | ✓ |
| Al-Tabligh | | | ✓ | ✓ |

Pemilihan model gabungan ini adalah untuk memberi peluang kepada semua pelajar mengenal pasti kecenderungan dan kekuatan masing-masing dalam setiap komponen model pendidikan al-Quran tersebut. Setelah kecenderungan dan kekuatan dikenal pasti, pelajar akan memberikan fokus yang tinggi dalam komponen tersebut. Dalam masa yang sama, pelajar perlu membangunkan kemahiran dalam komponen yang lain.

PENDEKATAN DMGT DALAM MODUL

Pendekatan DMGT dalam modul pendidikan Al-Quran PERMATA Insan diterapkan dalam penentuan sukatan hafazan pelajar. Keupayaan berbeza pelajar dalam hafazan Al-Quran perlu dititikberatkan dalam meletakkan sukatan yang perlu dicapai oleh pelajar.

Mengambil kira perbezaan tersebut, Kolej PERMATA Insan menggubal tiga pakej sukatan hafazan mengikut tahap kemampuan yang dapat dicapai oleh pelajar. Tahap

kemampuan pelajar dapat diukur melalui penilaian yang dibuat pada awal semester. Pelajar seterusnya akan dibahagikan dalam kumpulan mengikut tahap tersebut.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEMASA DALAM PELAKSANAAN

Seiring dengan kemajuan abad ke-21, penggunaan teknologi semasa diterapkan dalam pelaksanaan modul. Dewasa ini terdapat pelbagai aplikasi dibangunkan dalam pendidikan al-Quran yang mudah dimuat turun melalui gajet mudah alih. Aplikasi tersebut mampu menarik minat dan memudahkan generasi masa kini dalam pendidikan al-Quran seperti aplikasi Quran maya. Pelajar dapat mempelajari ilmu tajwid, mendengar bacaan, merekod bacaan, membaca terjemahan dan tafsir dengan lebih mudah.

Projek al-Quran juga melibatkan penggunaan teknologi apabila pelajar membuat pembentangan video. Penyediaan video adalah memerlukan komitmen dan kemahiran yang tinggi memandangkan prosesnya yang panjang dan rumit. Namun hasil daripada pembikinan video tersebut adalah amat memuaskan dan menjadikan gaya penyampaian lebih berkesan.

KEDUDUKAN MODUL BERDASARKAN TAKSANOMI BLOOM

Keseluruhan komponen modul pendidikan Al-Quran ini merangkumi tahap pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis dan sintesis berdasarkan Taksanomi Bloom. Jadual 2 di bawah menunjukkan perincian rangkuman tahap Taksanonomi Bloom dalam setiap komponen modul:


Jadual 2

| Komponen Modul | Taksanomi Bloom | | | | | |
|----------------|-----------------|-----------|----------|----------|----------|-----------|
| | Pengetahuan | Kefahaman | Aplikasi | Analisis | Sintesis | Penilaian |
| Al-Qira'at | ✓ | | | | | |
| Al-Hifz | ✓ | | | | | |
| Al-Fahm | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | |
| Al-°Amal | | | ✓ | | | |
| Al-Tabligh | ✓ | ✓ | ✓ | | | |

FORMAT PENTAKSIRAN

Terdapat beberapa aspek dalam pentaksiran modul pendidikan Al-Quran digariskan untuk memastikan penilaian tersebut bersifat menyeluruh. Pecahan aspek tersebut dapat dilihat dalam jadual carta di Rajah 2.

Rajah 2: Aspek Pentaksiran Modul Pendidikan Al-Quran



Hafazan

Pelajar diberikan markah berdasarkan pencapaian hafazan mereka dalam setiap pakej bagi setiap semester. Peruntukan markah untuk bahagian ini adalah sebanyak 20% daripada keseluruhan markah.

Penulisan Ayat

Pelajar diberikan markah berdasarkan penulisan ayat yang telah disiapkan dalam setiap pakej bagi setiap semester. Peruntukan markah untuk bahagian ini adalah sebanyak 10% daripada keseluruhan markah.

Ujian

Pelaksanaan ujian merangkumi dua bahagian iaitu *shafawiyy* sebanyak 40% dan *tahririyy* 60%. Peruntukan markah bagi bahagian ujian ini daripada keseluruhan markah adalah sebanyak 10%.

Peperiksaan Akhir

Peperiksaan Akhir Semester merangkumi dua bahagian iaitu *shafawiyy* sebanyak 40% dan *tahririyy* 60%. Peperiksaan ini mewakili 60% daripada keseluruhan markah.

Projek

Pelajar dipecahkan kepada beberapa kumpulan diberikan tugas berdasarkan topik terpilih yang terdapat dalam pakej hafalan setiap semester. Tugas ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penulisan artikel dan pembentangan dengan setiap satu dinilai sebanyak 50 markah. Peruntukan markah untuk bahagian ini adalah sebanyak 10% daripada keseluruhan markah.

PENUTUP

Pengenalan modul pendidikan Al-Quran PERMATA Insan diharapkan dapat memberi nafas baru dalam arus pendidikan Al-Quran negara. Modul ini secara umumnya dapat diaplikasikan oleh institusi-institusi yang berminat tidak terhad kepada pelajar pintar dan berbakat. Pelaksanaan modul juga boleh diubah suai mengikut kesesuaian institusi. Hasil pelaksanaan modul bakal melahirkan pelajar yang mantap dalam bidang pengajian Al-Quran.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah meluluskan penyelidikan bertajuk "Pembinaan Modul Hafazan Al-Quran Di Institusi Pendidikan: Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, MRSM Ulul Albab Kota Putra, Sekolah Menengah Imtiyaz Besut Dan Darul Quran (PPP-KPI-18215-00). Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan penyelidik, pihak Kolej PERMATA Insan dan pihak-pihak yang terlibat atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

Buku

- °Atar, Nur al-Din. 1993. °*Ulum al-Qur'an al-Karim*. Damshiq: Matba°ah al-Sab°ah.
- Al-Bukhariyy, Muhammad Ibn Isma°il. 1979. *Al-Jami° al-Sahih*. Kaherah: Al-Matba°at Al-Salafiyyah.
- Al-Darimiyy, Abu Muhammad °Abdullah bin °Abd al-Rahman. 2000. *Sunan al-Darimiyy*. Saudi: Dar al-Mughniyy Li al-Nashr Wa al-Tawzi°.
- Gagné, F. 2000. *A Differentiated Model Of Giftedness And Talent (DMGT)*. Systems And Models For Developing Programs For The Gifted And Talented. N.p: N.p.
- Graham, C. R. 2006. *Introduction to Blended Learning*. Handbook of Blended Learning Global Perspectives Local Designs. N.p: N.p.

Muslim, Al-Hajjaj. 2006. *Sahih Muslim*. Riyad: Dar Taybah.
Qamhawiyy, Muhammad Al-Sadiq. 1972. *Al-Burhan fi Tajwid Al-Qur'an*. Beirut: Al-Maktabat Al-Thaqafiyah.

Jurnal

Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education. 2 (4).
Fleming, N., and Baume, D. 2006. *Learning Styles Again: Varking Up The Right Tree!*. Educational Developments, SEDA Ltd, Issue 7.4.
Fu, J. S. 2013. *ICT in Education: A Critical Literature Review and Its Implications*. International Journal of Education and Development Using Information and Communication Technology, 9(1).
Laborda, J. G. 2014. *Essentials For Blended Learning*. British Journal of Educational Technology (Vol. 45).

LAMPIRAN

Pakej Asas

| PERINGKAT | SESI | SUKATAN | BILANGAN / SEM | BILANGAN / TAHUN |
|-----------|-------|-------------|----------------|------------------|
| ASAS 1 | SEM 1 | Juz 29 & 30 | 2 Juz | 4 Juz |
| | SEM 2 | Juz 27 & 28 | 2 Juz | |
| ASAS 2 | SEM 1 | Juz 26 - 2 | 2 ½ Juz | 5 Juz |
| | SEM 2 | Juz 2 - 4 | 2 ½ Juz | |
| ASAS 3 | SEM 1 | Juz 5 - 7 | 3 Juz | 6 Juz |
| | SEM 2 | Juz 8 - 10 | 3 Juz | |
| TAHAP 1 | SEM 1 | Juz 11 - 14 | 3 ½ Juz | 7 Juz |
| | SEM 2 | Juz 14 - 17 | 3 ½ Juz | |
| TAHAP 2 | SEM 1 | Juz 18 - 21 | 4 Juz | 8 Juz |
| | SEM 2 | Juz 21 - 25 | 4 Juz | |

Pakej Pecutan 1

| PERINGKAT | SESI | SUKATAN | BILANGAN / SEM | BILANGAN / TAHUN |
|-----------|-------|-------------|----------------|------------------|
| ASAS 1 | SEM 1 | Juz 29 - 30 | 2 Juz | 5 Juz |
| | SEM 2 | Juz 26 - 28 | 3 Juz | |
| ASAS 2 | SEM 1 | Juz 1 - 3 | 3 Juz | 7 Juz |
| | SEM 2 | Juz 4 - 7 | 4 Juz | |
| ASAS 3 | SEM 1 | Juz 8 - 11 | 4 Juz | 9 Juz |
| | SEM 2 | Juz 12 - 16 | 5 Juz | |
| TAHAP 1 | SEM 1 | Juz 17 - 20 | 4 Juz | 9 Juz |
| | SEM 2 | Juz 21 - 25 | 5 Juz | |

Pakej Pecutan 2

| PERINGKAT | SESI | SUKATAN | BILANGAN / SEM | BILANGAN / TAHUN |
|-----------|-------|----------------|----------------|------------------|
| ASAS 1 | SEM 1 | Juz 27 - 30 | 4 Juz | 8 Juz |
| | SEM 2 | Juz 26 & 1 - 3 | 4 Juz | |
| ASAS 2 | SEM 1 | Juz 4 - 8 | 5 Juz | 10 Juz |
| | SEM 2 | Juz 9 - 13 | 5 Juz | |
| ASAS 3 | SEM 1 | Juz 14 - 19 | 6 Juz | 12 Juz |
| | SEM 2 | Juz 20 - 25 | 6 Juz | |

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.